

20 JUN 1999

Mahathir-Umno (Pilihan raya)

UMNO SEDIA TENTANG PEMBANGKANG, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berikutan kejayaan Perhimpunan Agung Umno ke-53, hari ini berkata Barisan Nasional (BN) kini lebih daripada bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum walaupun jika ia perlu bertanding satu lawan satu dengan calon pembangkang.

"Satu lawan dua atau satu lawan tiga tidak membimbangkan kami. Kami bersedia menghadapi sesiapaapun," kata Perdana Menteri ketika ditanya sama ada BN bersedia menghadapi pembangkang secara satu lawan satu pada pilihan raya umum akan datang.

Bercakap pada persidangan berita pada akhir perhimpunan agung itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata parti itu kini akan bergerak ke hadapan dan membuat persediaan untuk pilihan raya umum.

Perdana menteri baru-baru ini berkata bahawa pilihan raya perlu diadakan sebelum Julai tahun depan.

Ketua Perhubungan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Pulau Pinang, Dr Mansor Othman, hari ini dipetik sebagai berkata bahawa parti-parti pembangkang telah bersetuju hanya satu calon yang mewakili mereka akan dipertandingkan bagi menentang calon BN yang mewakili Umno.

Pakatan pembangkang itu merangkumi DAP, PAS, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Sambil Perdana Menteri berjalan ke arah bilik khas, tempat persidangan berita itu diadakan, ramai perwakilan dan pemerhati Umno menyatakan sokongan mereka kepada beliau dengan melaung "Hidup Mahathir" dan "Hidup Melayu".

Mereka yang berhimpun di Aras 4 PWTC terpaksa dikawal sebelum Dr Mahathir dapat berjalan masuk hingga ke pintu bilik itu.

Ketika ditanya sama ada Umno kini lebih kukuh dan bersatu padu dalam menghadapi pilihan raya, Dr Mahathir berkata berdasarkan pada perhimpunan agung parti tahun ini, para perwakilannya lebih bersemangat dan lantang mempertahankan serta memperjuangkan parti.

"Mereka nampak begitu solid (kukuh) sekali dalam sambutan mereka terhadap ucapan saya pada perasmian dan penutupan perhimpunan agung kali ini," kata beliau.

Lebih 2,000 perwakilan menghadiri perhimpunan menghadiri perhimpunan itu yang terakhir bagi abad ini dan juga sebelum pilihan raya umum akan datang.

Kata Dr Mahathir tindakan mereka membuat ikrar dengan suara yang nyaring mempertahankan parti dan kepimpinannya adalah luar biasa.

Perdana Menteri berkata sambutan yang diberikan oleh para perwakilan tahun ini adalah luar biasa kerana mereka tidak lagi keliru berikutan penjelasan beliau mengenai pelbagai isu termasuk pemecatan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir juga berkata beliau akan melawat negeri-negeri untuk merapatkan dirinya dengan anggota-anggota Umno dan rakyat.

Kepada satu soalan sama ada pilihan raya umum akan ditangguhkan sehingga kes liwat Anwar selesai, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak boleh berbuat demikian.

Ini kerana pilihan raya umum perlu diadakan setiap lima tahun sekali, kata Perdana Menteri.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata kes Anwar itu mungkin sedikit

sebanyak mengganggu kempen pilihan raya BN kerana penjelasan mengenai pemecatan Anwar mungkin dianggap menghina mahkamah.

Beliau berkata sesetengah pihak mungkin mahu memanjangkan masa kes itu bagi menjadikannya lebih sukar untuk BN menjelaskan kepada rakyat mengenai pemecatan Anwar, jika pilihan raya umum diadakan semasa kes itu sedang dibicarakan.

Mengenai pengakuan bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini bahawa beliau disuruh oleh Anwar untuk membangkitkan isu nepotisme dan kronisme semasa perhimpunan agung pergerakan itu tahun lepas, Dr Mahathir berkata: "Itu pengakuannya dan dia nampak masih ingin kekal dalam Umno dan saya terima pengakuannya."

--BERNAMA

ES NAK